

Kata Adjektif

Isi tempat kosong berikut dengan kata adjektif yang sesuai.

buruk	asli	jauh	berat
cantik	sukar	indah	halus
berharga	besar	berkualiti	elok



Semua orang menginginkan kulit yang _____ dan _____, terutamanya kaum wanita. Keinginan begini menjadikan mereka sentiasa mencari produk kecantikan kulit dan wajah yang berkesan untuk membersihkan kulit yang _____ dan berjerawat.

Merawat kulit muka, khususnya yang berjerawat memanglah _____. Kini, ada sejenis minyak yang sangat _____ digunakan untuk tujuan tersebut. Minyak kelapa dara dikatakan mampu menghilangkan dan membersihkan minyak kotor pada kulit muka. Sesungguhnya minyak yang satu ini sedang mendapat tempat istimewa dalam dunia kecantikan. Popularitinya semakin meningkat dari sehari ke sehari.

Minyak kelapa dara ialah minyak yang dihasilkan daripada santan. Minyak yang _____ tentulah yang dihasilkan daripada kelapa yang benar-benar tua, bukan kerana saiznya _____ dan _____. Selain itu, minyak kelapa dara yang _____ dihasilkan melalui proses yang lama dan menggunakan jumlah kelapa yang secukupnya. Contohnya, 117 biji kelapa yang sederhana besar hanya mampu menghasilkan 6 liter minyak kelapa dara. Jika jumlah minyak yang dihasilkan lebih daripada itu, sudah tentulah keasliannya tercemar.

Terdapat kira-kira 120 hingga 150 usahawan yang memproses kelapa dara di Malaysia. Perusahaan minyak kelapa dara banyak dijalankan di Johor, Selangor, Perak, dan Sabah. Kini, buah kelapa sudah menjadi cukup _____ oleh sebab khasiat kecantikan yang dihasilkannya. Orang ramai pula tidak perlu lagi pergi _____ ke Indonesia atau Filipina untuk mendapatkan minyak kelapa dara. Begitulah keistimewaan pokok kelapa, selain menampilkan pemandangan yang _____ di tepi pantai di negara kita.